

STRATEGI DAKWAH USTAZ WADI ANUAR DALAM INSTAGRAM DAN FACEBOOK SEBAGAI MEDIUM DAKWAH MASA KINI

Mohd Azif Aiman Bin Ismail 1
Muhammad Rizwan Bin Zulmani 2
Abdullahil Munier Bin Makkulawu 3
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan 4

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
(azif.aiman@raudah.usim.edu.my)²

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
(rizwanzulmanu@raudah.usim.edu.my)

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains
Islam Malaysia, (abdullahilmunier.am@raudah.usim.my)

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, (syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstract Perkembangan pesat media baharu memberi impak dalam hampir setiap sudut kehidupan masyarakat. Perkembangan ini turut membuka peluang dan ruang kepada pendakwah untuk menggunakan media sosial sebagai salah satu medium penyampaian dakwah Islamiah. Justeru, berlaku transformasi kaedah penyampaian dakwah Islamiah dalam kalangan pendakwah yang mula menggunakan media sosial khususnya Facebook dan Instagram. Hal ini kerana media sosial sesuai dijadikan sebagai medium pelengkap dan alternatif kepada medium dakwah sedia ada. Namun begitu, penggunaan media sosial dalam menyampaikan mesej dakwah Islamiah perlu dilaksanakan secara berhemah dan bijaksana kepada khalayak yang berbeza-beza. Selain itu, Penyusunan perancangan, kaedah, strategi dan pengurusan yang baik adalah penting untuk menjamin keberkesanan dan kejayaan usaha dakwah. Namun, persoalan sering timbul dalam kalangan pendakwah dan organisasi dakwah ialah berkaitan bentuk dan model kaedah berdakwah yang sesuai dan praktikal untuk dipilih sebagai panduan dalam pelaksanaan dakwah tersebut. Pengabaian terhadap aspek-aspek tersebut boleh menyumbang kepada kegagalan dalam proses dakwah malahan dalam beberapakeadaan, ia mungkin boleh menjauhkan sasaran dakwah daripada mengikuti aktiviti dakwah yang dianjurkan. Sehubungan itu, penyelidikan ini bertujuan mengenalpasti kategori mesej, fungsi mesej dan strategi penyampaian dakwah ustaz Wadi Anuar dalam Instagram dan Facebook. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu kajian melalui kepustakaan dan bahan-bahan rujukan. Hasil kajian ini mendapati bahawa strategi dakwah ustaz wadi annuar adalah berkesan dan memberi Impak kepada masyarakat tempat kerana ustaz wadi anuar memiliki satu tarikan yang berbeza dari pendakwah lain.

Kata Kunci: Strategi Dakwah Ustaz Wadi Anuar, Media Sosial Sebagai Medium Dakwah,

Pendahuluan

Islam adalah agama dakwah yang diturunkan oleh Allah SWT kepada seluruh umat manusia demi kesejahteraan, keselamatan serta bimbingan bagi manusia dunia dan akhirat seperti firman Allah SWT menerusi ayat 107 Surah al-Anbiya' yang membawa maksud: "Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

Dalam era zaman globalisasi ini, masyarakat kini sudah terdedah dengan kemajuan teknologi yang pesat dengan kepantasan internet tanpa had, dapat dilihat bahawa media sosial adalah salah satu contoh medan dakwah yang sesuai dan penting dilakukan bagi dakwah Islam meningkatkan. Konsep dakwah merupakan aspek penting bagi mencapai kebaikan dan kejayaan dalam kehidupan. Dengan itu, pendekatan media sosial mampu membuahkan hasil yang baik dalam berdakwah terhadap masyarakat umumnya.

Media sosial adalah sejenis media yang digunakan terus secara talian dengan melalui aplikasi-aplikasi tertentu seperti Facebook, Instagram dan Tiktok. Media sosial juga merangkumi blog, forum, video dan rangkaian sosial. Dakwah pula merupakan suatu interaksi penyampai dan penerima melalui pelbagai cara yang bertujuan untuk menyeru masyarakat mahupun individu itu sendiri untuk beriman dan taat kepada Allah dan Rasul-Nya mengikut garis panduan yang berlandaskan akidah, syariat dan akhlak Islam.

Dakwah berasal dari perkataan Arab yang bermaksud ajakan dan seruan sebagaimana frasa dalam bahasa arab yang membawa erti "Menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran". Kita hendaklah berdakwah di jalan Allah kerana Islam mengajar dan menegaskan kepada kita untuk mengajak dan menyeru orang lain melakukan kebaikan seperti mengajak untuk tolong menolong golongan anak yatim yang berada dalam kesusahan. Contohnya bersesuaian dengan firman Allah S.W.T dalam surah al-Maidah, ayat yang ke 2 yang bermaksud, "Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebaikan". Kita juga ditegaskan supaya membawa masyarakat untuk keluar daripada lembah kemaksiatan dan keburukan seperti perbuatan melakukan zina.

Berdakwah dalam media sosial merupakan inisiatif yang berkesan dan memberi impak serta implikasi positif. Implikasi melalui penggunaan media sosial ini dapat dilihat melalui sudut individu dan masyarakat itu sendiri. Implikasi terhadap individu melalui pendekatan dakwah memberi kesan apabila seseorang individu mampu menjalankan tanggungjawab dengan baik. Dan untuk masyarakat apabila mengubah sesuatu keburukan kepada kebaikan. Maka, para pendakwah boleh memanfaatkan media sosial untuk berdakwah. Banyak bahan dakwah boleh dimuat naik dan dikongsikan menerusi media sosial. Memandangkan media sosial amat popular dalam kalangan rakyat Malaysia, media sosial menjadi satu wadah yang boleh mendekatkan pendakwah kepada masyarakat siber.

Rata-rata generasi hari ini ialah generasi celik teknologi. Bagi menghampiri golongan ini, pendekatan terkini perlu dimanfaatkan. Oleh sebab itu, perlu ada golongan pendakwah yang bijak dan kerap berdakwah dalam media sosial. Mereka ini tidak semestinya pakar dalam menggunakan ICT tetapi mempunyai keupayaan berdakwah bagi menjalankan tugas-tugas amar maaruf nahi munkar. Malah sekiranya mereka bekerjasama dengan mereka yang pakar mengenai teknologi media sosial, manfaat yang akan diperoleh oleh gerakan dakwah Islamiah adalah lebih besar.

Kajian Literatur

Yuli Husnia dalam tulisan beliau yang bertajuk Strategi dakwah dr Zakir Naik menyatakan bahawa Halangan strategi dakwah yang dialami oleh Dr. Zakir Naik sangat pelbagai, seperti fitnah tentang Dr. Zakir Naik adalah penganas dan beliau dilarang memasukibeberapa negara, kerana banyak media yang menulis artikel negatif mengenai pandangan, pemikiran, dan kepercayaan beliau sedangkan Dr Zakir Naik hanya ingin membetulkan dan ingin menukar salah faham tentang Islam kepada orang islam dan bukan islam. Seterusnya tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui strategi dakwah yang digunakan oleh dr Zakir naik dalam ceramah beliau.¹ (Husnia, 2017)

Seterusnya, Indi Nur Puspitasari dalam penulisan beliau menyatakan tentang strategi dakwah ustaz abdul Somad dalam youtube dimana ustaz abdul somad dan Penyelidikan ini dijalankan untuk mengetahui bagaimana strategi dakwah melalui penjelasan di media sosial YouTube yang dilakukan oleh Ustadz Abdul Somad dalam menangani penolakan dakwah yang menimpa beliau, serta apakah strategi dan kaedah dakwah. digunakan dan apakah faktor penghalang dan sokongan dalam strategi dakwah klarifikasi yang dilakukan oleh Ustadz Abdul Somad². (Puspitasari, 2018). Penulisan ini menunjukkan bahawa strategi dakwah yang dilakukan oleh ustaz abdul somad adalah berbentuk Maudzah al-Hasanah serta Manhaj al-‘Aql(strategi rasional) dalam menghadapi penolakan yang dialaminya.Ridwan Hasan dalam penulisan beliau menyatakan Strategi dakwah adalah suatu bentukwacana dan wasilah sebagai syiar dan visi dan misi dakwah atau bentuk amar maaruf nahi munkar, yang wajib disebarluaskan ke ruang lingkup umat Islam dan berbagai masyarakat homogen yang bersifat dasar dan memiliki. latar belakang ilmu yang berbeza dengan pemahaman yang berbeza dan kaedah menganalisis bahan dan mesej yang disampaikan oleh pendakwah.³ (Hasan, 2018)

Ab. Mumin Ab. Ghani dalam penulisan beliau menyatakan bahawa Mana-mana organisasi termasuk organisasi Dakwah dianggap sebagai sistem terbuka. Dengan sistemterbuka, dimaksudkan bermaksud bahawa organisasi mempunyai transaksi dengan unit lain dalam persekitaran tugasnya dan juga dipengaruhi oleh peristiwa dalam persekitaran umum.⁴ (Ab Ghani, 1996)

Pandemi Covid-19 mengharuskan seorang da'i untuk lebih kreatif dalam membuat strategi dakwah agar dapat digunakan dengan baik di era new normal. Strategi dakwah adalah cara yang digunakan oleh da'i untuk menyiarkan kebenaran kepada seluruh lapisan masyarakat. Proses pembuatan strategi dakwah dilakukan melalui beberapa tahap, pertama analisis lingkungan dengan menganalisis lingkungan internal yaitu analisis sumber daya internal pendukung proses dakwah dan menganalisis lingkungan eksternal yaitu analisis terhadap masalah yang terjadi di lingkungan eksternal dakwah, kedua perumusan strategi yaitu merumuskan berbagai pilihan strategi dakwah, ketiga pemilihan strategi yaitu penetapan strategi yang akan digunakan untuk berdakwah, keempat pelaksanaan strategi yaitu menggunakan strategi dakwah yang telah dipilih, kelima evaluasi strategi yaitu kegiatan menilai strategi yang telah digunakan.⁵ (M, 2021) Acmad Baidowi dan Moh. Salehudin menyatakan dalam penulisan beliau.

Strategi dakwah konvensional adalah terhadap ruang dan waktu. Kerana itu dakwah di era teknologi informasi ini memiliki tantangan yang cukup besar di masyarakat. Fakta yang ditulis oleh Rahmat Saputera dan Azzyati Mohd Naim, mereka menyatakan bahawa. Sementara itu media online sudah menjadi keperluan sehari-hari masyarakat moden. Semua kalangan kini boleh mengakses media online dengan sangat mudah⁶. (Saputra R & Nazim, 2017)

Noradilah binti Abdul Wahab dalam penulisan beliau menyatakan Ledakan teknologi komunikasi terutamanya dalam media sosial pada hari ini telah menjadi fenomena baru dalam kalangan masyarakat dunia. (Abdul Wahab, 2020) Bahkan, penggunaan media social telah menjadi aktiviti yang sangat popular dengan penggunaan alatan teknologi moden. Justeru, para pendakwah juga perlu seiring dengan perubahan yang berlaku supaya tidak jauh ketinggalan. Wasilah dakwah dalam Islam juga tidak hanya tertumpu kepada satu cara yang khusus sahaja. Oleh itu, kajian ini untuk melihat peranan media sosial sebagai medium dakwah sesuai dengan keperluan zaman.⁷

Muhammad Affan dan Ajid Thohir Dalam penulisan mereka menyatakan bahawa belajar agama melalui internet adalah sesuatu perkara yang baru dan terdapat banyak kesan baik dan buruk yang didapati menggunakan internet untuk mempelajari agama. Antara perkara positif ialah keberkesanan internet untuk menyebarkan agama islam, akan tetapi dari sudut yang negative pulak ialah ancaman penyusupan kandungan radikalisme agama yang turut tersebar dalam talian. Oleh kerana itu, kita perlu berhati-hati dalam menafsirkan fenomena yang menjadi trend bukan saja di Indonesia bahkan di seluruh dunia.⁸ (Muhammad, 2020)

Dalam Sebuah Penulisan yang bertajuk Sharing semangat taqwa: social media and digital Islamic socialities in Bandung, Penulis iaitu Dayana Lengaur menyatakan bahawa kajian yang dilakukan di Bandung ini merupakan satu titik permulaan untuk komuniti Bandung menggunakan media sosial sebagai pusat menyebarkan dakwah islam. Penulisan ini menunjukkan cara media sosial mempengaruhi pengalaman dan pemahaman Masyarakat komuniti Bandung terhadap media sosial untuk penyebaran Islam. Tertanam dalam hati komuniti Bandung, pengaplikasian media sosial dengan isi-isi islamik dapat menawarkan

orientasi dan model baharu perkongsian ‘semangat taqwa’ yang menarik dan mudah diterima pakai oleh generasi muda Islam yang soleh.⁹ (Lengauer, 2018)

Martin Slama dalam penulisan beliau menyimpulkan bahawa kebanyakan orang Indonesia kini hampir semua menggunakan sosial media dalam kehidupan mereka dan dengan itu, pembentukan kemasyarakatan yang berlandas kan Islam iaitu membaca al-Quran, menjalankan amal dan menderma, mengikuti pendakwah tertentu dan berdakwah itu sendiri semuanya telah menjadi amalan yang lebih menghubungkan ke platform dan saluran komunikasi media sosial hari ini.¹⁰ (Slama, 2018)

Mega Silva dalam penulisan beliau menyatakan tentang strategi content creator pada dakwah di media sosial. Dalam kehidupan yang penuh kemajuan ini kini terdapat pelbagai cara untuk berdakwah iaitu membuat content berbentuk dakwah di media sosial seperti intagram dan facebook serta tiktok. (Silbia, 2019) Content creator menggunakan strategi komunikasi dalam mempromosikan dakwah mereka secara menarik dan penonton yang melihat video tersebut untuk sentiasa mengikuti akaun . Content creator perlu memaparkan kandungan yang menarik dan mudah difahami dalam setiap post. Selain itu, pencipta kandungan dikehendaki dapat memahami cara mempromosikan kandungan yang mempunyai sasaran khalayak kepada golongan muda

Metologi Kajian

Dalam kajian ini ada satu metodologi umum yang digunakan iaitu metod pengumpulan data

Metod Pengumpulan Data

Metod ini merupakan satu kaedah untuk mendapatkan data tentang subjek yang dikaji. Dalam usaha mengumpulkan data dan fakta, penulis menggunakan beberapa metod untuk mendapatkan data yang relevan dan diperlukan. Metod yang digunakan dalam pengumpulan data kajian ini ialah:

Metod Penyelidikan Perpustakaan

Metod ini adalah berdasarkan kajian keperpustakaan. Penulis menggunakan metod ini untuk mendapatkan bahan dari buku-buku yang berkaitan dengan kajian ini terutamanya dalam mencari bahan untuk mendapatkan kajian terdahulu yang berkaitan dan juga strategi dakwah dan penyebaran dakwah menggunakan media sosial

Metod Analisis Video

Analisis isi dalam penelitian ini untuk meneliti postingan Video ceramagh yang telah dimuat naik oleh Ustaz Wadi Annuar di akaun rasmi Facebook dan Instagram beliau yang dinamakan sebagai “Ustaz Wadi Annuar” samada berbentuk visual, audio, video mahupun video live. Jenis data yang dijadikan acuan dalam penelitian ini berupa data primer yang terdiridari postingan video yang telah dimuat naik oleh Ustaz Wadi Annuar di akaun rasmi Facebookdan Instagram beliau yang telah dimuat naik

Media Sosial Sebagai Medium Dakwah

Media merupakan faktor penting dalam proses komunikasi pada hari ini dan media jugamenjadi perantara komunikasi Islam sebagai saluran bagi menyampaikan idea, maklumat, mesej dan dakwah. Media dan komunikasi saling berkait dalam usaha menyampaikan sesuatu gambaran dan maklumat ¹¹. (Sulaiman, 2007)Media sosial bukan hanya dilihat sebagai medanpenyebaran maklumat dan komunikasi semata-mata, tetapi berperanan sebagai sumber hiburan dan perantara penyebaran maklumat serta sumber pelbagai aktiviti .Media sosial juga dilihat sebagai tempat perkongsian pengetahuan dan maklumat atas talian dalam pelbagai kumpulan yang menggalakkan kemahiran berkomunikasi (Baruah, 2012). ¹²

Dakwah yang berkesan memerlukan kaedah, cara, pendekatan atau strategi penyampaian dakwah yang bersesuaian dengan golongan sasaran. Ini adalah kerana, hala tuju dakwah adalah jelas iaitu membimbing manusia untuk mencapai kesejahteraan di duniadan akhirat melalui rahmat dan kasih sayang Allah s.w.t.. (Ahmad Shahrom Zamri, 2015) Dakwah merupakan proses mengajak manusia supaya mengamalkan ajaran Islam dengan melakukan pengabdian yang tulus kepada Allah s.w.t. dan menuruti segala Sunnah Nabi Muhammada s.a.w. dengan berpandukan al-Quran dan al-Hadith. Dakwah bertujuan menyeru dan mengajak manusia ke arah perkara-perkara ma'ruf dan menjauhi perkara-perkara mungkar. Dakwah juga mempunyai perkaitan dengan komunikasi dan dikenali sebagai komunikasi dakwah atau komunikasi Islam (Suyurno Z. A., 2012)

Setiap mesej dakwah yang disampaikan memerlukan komunikasi yang baik dan komunikasi yang dilakukan mestilah berlandaskan hukum syarak dan media sosial pula dilihat sebagai medium penyebaran maklumat penting kepada masyarakat moden pada hari ini. Media memegang amanah dalam menyampaikan maklumat yang benar tepat dan berfaedah kepada masyarakat. Selain itu juga, media bertanggungjawab untuk mendidik masyarakat ke arah kebaikan dan menjauhi kemungkar ¹³ (Suyurno S. , 2011) Justeru itu, menjadikan media sosial sebagai medium dakwah adalah relevan kepada masyarakat moden pada hari ini.

Kesimpulannya, Media dalam Islam juga banyak membantu pendakwah dalam memahami sasaran dakwahnya. Etika dalam komunikasi media yang berkesan akan membuatkan sasaran dakwah percaya kepada pendakwah dan akan menceritakan permasalahannya yang wujud ¹⁴. (Saudi, 2010) Adalah menjadi satu kewajipan kepada para pendakwah untuk menyumbang kepada dakwah melalui pendekatan yang sesuai dan selaras dengan tahap golongan sasaran melalui saluran media yang berkesan pada abad ini yang disebabkan oleh populariti dan peranannya sebagai senjata yang mempunyai serampang dua mata ¹⁵ (Nasir, 2012)

Biodata Ustaz Wadi Annuar

Ustaz Wadi Annuar atau juga nama sebenar ialah Mohamad Wadi Annuar Bin Ayub (Bahasa Arab dan Tulisan Jawi: محمد وادي انوار). Beliau lahir pada 20 September 1983 bersamaan 12 Zulhijjah 1403H di Kota Kuala Muda, Kedah. Kini beliau berumur 39 tahun dan memiliki kelulusan jurusan Syariah dan Bahasa arab, di Institut Fatah Islami, Damsyik, Syria. Kerjaya beliau adalah sebagai pendakwah bebas dan beliau juga merupakan Pengerusi & pengetua Akademi Darul Iftak, bertempat di Sungai Layar Hujung, Sg. Petani, Kedah. (2018 sehingga kini, 2022), Pengerusi NGO Pertubuhan Khidmat Ummah Kuala Muda, bertempat di Sg. Petani Kedah. (2022), CEO Syarikat UWA Global Sdn. Bhd. (2022) dan Pengerusi NGO Pertubuhan Ikatan Ilmuwan Ahli Sunnah Wal Jamaah Malaysia (ISLAMI) Kedah.

Beliau merupakan penceramah bebas yang aktif dalam kegiatan dakwah dan juga kebajikan sesama muslim. Antara syarahannya yang mendapat perhatian ramai adalah tentang Akhir Zaman, Akhirat dan Sirah Rasulullah. Selepas tamat pengajian dari Syria, Ustaz Wadi Annuar pernah berkhidmat di agensi pendidikan dan juga aktif menyampaikan ceramah dalam dan luar negeri. Beliau pernah Berkhidmat sebagai Guru Sekolah Menengah, Swasta dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. (2008-2015) dan pernah menjadi Pengetua di Maahad Tahfiz Al-Annuar, bertempat di Taman Ria Jaya, Sg. Petani, Kedah. (2016 sehingga 2018). (GP, 2021)¹⁶Selain itu beliau merupakan Pemegang tauliah mengajar bagi negeri Kedah dan pernah dijemput untuk menjadi Panelis jempunan rancangan Al-Kuliyyah, terbitan TV3 dan beberapa buah rancangan television seperti Selebriti TV Al-Hijrah, rancangan Semusim Di Barzakh, Juri pentas akhir Program Akademi Daie Muda Yadim. (2021), Panelis rancangan Akhir Dunia (10 episod) di astro Oasis dan Penceramah jempunan rancangan Riwayat Akhir Zaman (9 episod) di TV Al-Hijrah. Beliau memegang beberapa jawatan tinggi seperti Pengerusi NGO Ikatan Ilmuwan Islam Kedah (ISLAMI) dan Jawatan Kuasa NGO Penawar Kedah.

Selari dengan kehidupan masa kini banyak pendakwah yang memulakan pendekatan menyampaikan atau menyebarkan dakwah melalui media sosial yang lebih mudah untuk pengguna media sosial utk melihat. Ustaz Wadi turut menggunakan platform media sosial sebagai medium dakwah beliau seperti Instagram, Facebook dan tiktok,

Strategi Dakwah

Pada dasar ilmu dakwah adalah kegiatan mempengaruhi individu lain supaya mengubah mana-mana kepercayaan, sikap dan tingkah lakunya yang tidak selaras dengan Islam. Usaha ke arah pengisian keilmuan adalah agenda penting ke arah pembinaan generasi Rabbani yang baik. Demikian itu penyusunan strategi yang sistematik dan efektif amat dititik beratkan untuk mencapai matlamat tersebut. Disini suka penulis membawakan strategi dakwah dari setiap zaman dan keadaan agar pendakwah dapat mengadaptasikan strategi itu dalam perancangan untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Jika dibandingkan dakwah Rasulullah dan dakwah para ulama juga ilmun pada masa dahulu dengan dakwah ada hari ini, ia adalah sama hanya cara pendekatannya berbeza. Ianya seiring dengan peredaran zaman dan kemodenan. Jika Dakwah Rasulullah saw melalui hijrah dan peperangan dan dakwah para ulama melalui perdagangan dan perkahwinan, pada hari ini juga sama Cuma bezanya dalah pada hari ini pendakwah lebih menggunakan peralatan teknologi dan jika dilihat pada hari ini dimana-mana saja kita boleh berdakwah. Sebagai contoh menggunakan

Laman sosial, pusat Pengajian islam yang telah ditubuhkan hampir seluruh Negara, juga media-media sosial, program realiti tv dan sebagainya.

Pada hari ini tidak lagi perlu berjalan beribu batu dan menempuh badai laut, hanya dengan satu “klik” sahaja kita mampu menyebarkan dakwah. Manusia hari ini di kelilingi oleh kemajuan, adalah membawa kepada kebaikan dan ada juga yang terpesong dek kelalai dari arus kemodenan dan teknologi.

Begitulah sistem penyebaran dakwah pada hari ini, pendakwah hari harus peka dengan kemodenan yang semakin maju. Amat mudah untuk merangkai Strategi yang sistematik pada zaman generasi Y hari ini, untuk mencegah generasi ini tidak jauh dari ajaran islam pendakwah harus menyusun strategi untuk memenangi pertempuran dalam perang psikologi kerana itu lebih efektif.¹⁷(sufi Sufiah,2021)

Analisis Video Dakwah Ustaz Wadi Annuar Di Facebook Dan Instagram:

Facebook

Berdasarkan Laman Rasmi Facebook Beliau yang mempunyai 1Juta pengikut dan di namakan Ustaz Wadi Annuar, kita dapat melihat bahawa kebanyakan video yang di paparkan di laman tersebut berbentuk video pendek yang berdurasi antara 1 minit ke 5 minit. Namun terdapat juga video yang durasi nya lebih Panjang kerana video tersebut merupakan hasil siaran langsung ustaz Wadi Annuar Ketika beliau berceramah dan kebanyakan video yang dipamerkan merupakan potongan video ustaz wadi annuar Ketika beliau sedang berceramah dan dijadikan satu video pendek dan ringkas. Dalam laman tersebut telah disusun dengan baik oleh admin laman tersebut dan membahagikan kepada beberapa subtopik iaitu antaranya ialah UWA: Ceramah Pendek sebanyak 17 video, #Tanya UWA sebanyak 13 video, Pengajian Kitab UWA 5 video, siri Khas Kuliah: Buya Hamka 3 video dan Koleksi Ceramah Ustaz Wadi Annuar sebanyak 15 video. Di sini penulis membuat analisis berdasarkan 3 video yang di muatnaik di Facebook.

| Tajuk | Analisis |
|------------------------------|---|
| Siapakah pemuda Akhir Zaman? | <p>Dalam Video yang berdurasi 3.53 minit dalam bab akhir zaman, Ustaz Wadi Annuar menceritakan tentang seorang pemuda yang akan muncul pada akhir zaman dan akan menjadi ketua kepada umat islam iaitu Imam Mahdi, Beliau turut menyatakan Hadith dari Saidina Ali iaitu عَلِيٌّ نَبِيٌّ لِّوَلَدِهِ وَأَمِيرٌ مِّنْ أُمَّةٍ</p> <p>. Hadith tersebut menyatakan bahawa imam mahdi tu berasal dari keturunan Nabi dan mempunyai kempimpinan nabi. Dan dalam video tersebut juga beliau menceritakan tentang bagaimana imam mahdi akan memimpin umat islam dalam memenangi semua peperangan dan pada kemuncak peperangan umat islam Berjaya menentang orang barat yang mempunyai teknologi dan tentera yang gah dan ramai. Dan akan munculnya dajjal selepas peperangan tersebut. Kesimpulannya sebesar mana dan sekuat mana musuh islam kalau Allah membantu kita maka kita akan menang sekiranya kita percaya dengan kekuasaan Allah</p> |

| | |
|--|---|
| Cinta kepada Allah dan Rasul-nya | Dalam Video yang berdurasi 1.44 minit tersebut ustaz Wadi annuar menyuruh kita untuk memupuk rasa cinta kita kepada allah dan rasulullah. Dan Rasulullah menyatakan bahawa bertapa untungnya kita sebagai umat islam kerana pada hari akhirat allah akan memberi ganjaran dimana akan diletakkan kita kedalam syurga Bersama orang yang tersayang. Olehsebab itu, Kita perlu memupuk Rasa cinta kepada Allah agar kita mendapat ganjaran tersebut |
| Bagaimana nak Hadapi kehidupan Akhir zaman | Dalam Video yang berdurasi 2.44 minit dalam bab akhir zaman. Beliau memberi nasihat kepada pednegar bahawa kalau nak hadapi kehidupan pada akhir zaman kita kena beriman dan sentiasa mengikuti ajaran islam yang benar. Beliau juga menyatakan Fitnah yang terbesar ialah fitnah dajjal. Kita sebagai umat islam perlu bersedia dengan |
| | secukupnya agar tidak tepengaruh dengan fitnah almasih addajal. |

Instagram

Berdasarkan Laman Rasmi Instagram Yang Bernama Ustaz wadi Annuar beliau Berjayamencecah sebanyak 855 ribu pengikut di Instagram. Di laman Instagram semua video yang di muat naik adalah secara ringkas dan pendek yang mempunyai durasi dari 1 minit hingga 3 minit dan video yang di muat naik tidak dibahagikan kepada tajuk-tajuk kecil seperti yang terdapat dalam facebook. Di sini penulis membuat analisis berdasarkan 3 video yang di muat naik di Instagram.

| Tajuk | Analisis |
|-----------------------------------|---|
| 3 Rahsia Rezeki Berkat | Dalam video tersebut. Ustaz Wadi Annuar berkongsi rahsia kenapa perlu menjaga keberkatan Rezeki. Iaitu tidak mengambil benda syubhah atau benda haram. Dengan meninggalkan benda tersebut kita dapat memperolehi nikmat ibadat, hati menjadi tenang doa dimakbulkan oleh Allah. Kemanisan beribadat merupakan suatu perkara yang seorang muslim perlu kecapai. |
| Saat Sedih dan Bahagia Rasulullah | Dalam video ini, Ustaz wadi annuar menceritakan tentang kisah saat bahagia dan sedih baginda Ketika berusia 6 tahun. Saat Bahagia baginda Ketika bagiinda dijaga semula oleh ibu kandung baginda iaitu aminah binti Wahab. Dan aminah mengajak nabi menziarahi kubur ayah baginda dan bapak saudara di Bani Najjar, Madinah. Selepas selesai menziarahi dalam perjalanan pulang tu, Baginda di uji dengan ujian berat dengan kehilangan ibu baginda di abwa. Dan dari situ kita dapat belajar bahawa betapa kuatnya baginda Ketika ditimpa ujian pada umur 6 tahun dimana baginda melihat ibunya menghembus nafas terakhir depan baginda. |

| | |
|--------------------------------|--|
| Cahaya Muhammad membawa berkat | Dalam Video ini, Ustaz Wadi Annuar menceritakan bahawa kelahiran Rasulullah membawa berkat dimana Ketika baginda dilahirkan dan dijaga oleh halimatus sa'diah kehidupan halimatus sa'diah berubah dimana terdapat keajaiban iaitu makanan mereka bertambah banyak dan kehidupan menjadi senang. Halimatus sa'diah mengetahui bahawa kesenangan yang datang secara tiba-tiba disebabkan oleh baginda rasulullah disebabkan keberkatan yang baginda bawa dan dinamakan irhas. Al-irhas yang pertama nabi alami adalah keberkatan yang baginda bawa sejak baginda bayi lagi |
|--------------------------------|--|

Strategi Dakwah Ustaz Wadi Annuar:

Ustaz Wadi Annuar menerapkan metode dakwah yang memang bersumber dari al-Quran dan sunnah iaitu dengan al-hikmah (Hikmah), al-mauidzotulhasanah (Nasihat yang baik), dan al-mujadalah(berbincang dengan cara yang baik).¹⁸ (republica, 2019) Ketiga-tiga metode yang digunakan oleh ustaz wadi annuar yang membentuk strategi dakwah yang beliau guna iaitu dakwah bil-lisan(secara lisan) dan bil-hal(secara perbuatan).

Hikmah

Iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya yang sepatutnya dalam bentuk perkataan atau perbuatan selagi tidak melanggar hukum Allah SWT. menurut penulis, Ustaz Wadi Annuar mahukan setiap nasihat dapat menarik perhatian dan menyelami hati pendengar, Sekiranya terdapat perkara yang lebih serius isu dari sudut aqidah atau fiqh beliau akan menekan kan isu tersebut dan akan dijadikan satu perbincangan dan memberi nasihat sekiranya mendapat keputusan dari hasil perbincangan tersebut agar dapat diterima oleh si pendengar. Selain itu, Kru media ustaz wadi annuar juga memainkan peranan yang besar dalam menyebarkan dan mempromosikan video-video ustaz wadi annuar, tanpa mereka video-video ustaz wadi annuar tidak akan mendapat sambutan yang besar.

1) Al-mauidzotulhasanah (Nasihat yang baik),

Iaitu memberi dan menyampaikan nasihat yang dapat diterima orang lain serta mengajak manusia untuk melaksanakan agama islam. Ustaz Wadi Annuar mampu memberikan nasihat yang positif dan diterima orang ramai melalui dakwahnya baikpun di Masjid, surau atau di media sosial seperti Instagram dan Facebook. Perkara tersebut dapat diterima dengan baik oleh masyarakat Malaysia. Sebagai contoh dalam video beliau yang di muat naik di Instagram yang berjudul 3 Rahsia Rezeki Berkat, Beliau menyampaikan satu perkongsian dimana rahsia untuk rezeki sentiasa berkat adalah dengan menolak benda yang syubhah dan haram dan perkara tersebut di sambut baik oleh masyarakat yang menonton video tersebut sekali gus memberi kesan positif kepada masyarakat supaya mengambil dan mengamalkan nasihat beliau.

Selain itu, Penulis turut meneliti bahawa beliau menggunakan strategi al-mauidzotulhasanah melalui program dalam mengajak manusia untuk melaksanakan kerja agama. Antara program yang dianjurkan ialah program jom ke masjid di sg petani kedah. Seterusnya Ustaz Wadi Annuar suka menyampaikan ceramah beliau dalam keadaan santai dan suka diselitkan dengan beberapa lawak jenaka dan seloka untuk menarik perhatian pendengar dan penonton. Penggunaan angka dalam video beliau juga memainkan peranan yang besar untuk menarik perhatian kerana mudah untuk pendengar mengetahui gambaran secara umum isi ceramah video.

2) Mujadalah (berbincang dengan cara yang baik)

Iaitu berbincang atau bertukar pendapat dengan menggunakan dalil-dalil tafsili atau alasan yang sesuai dengan kemampuan berpikirnya. Setelah penulis melihat siaran langsung ceramah beliau di masjid-masjid, paraJemaah atau pendengar memberikan respon yang aktif kepada beliau dimana mereka bertanyakan soalan selepas beliau tamat berceramah dan kebiasaanya akan dibuka sesi soal dan jawab pada penghujung sesi ceramah beliau. Dengan menggunakan strategi mujadalah ini, beliau sentiasa aktif membuka ruangan soalan di media sosial seperti QnA di Instagram dan facebook. Kadang-kadang Beliau juga menjawab soalan yang ditanyakan melalui video dimana beliau akan membuat satu video berkaitan soalan dalam segmen #tanyaUWA. Antara video yang mendapat banyak tontonan dalam segmen tersebut ialah “Adakah derhaka jika nak betulkan kesilapan mak ayah?” Dan “Bagaimana nak hadapi kehidupan Akhir Zaman?”.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, media sosial seperti Instagram, Facebook dan sebagainya memainkan peranan penting sebagai alat penyampai informasi atau komunikasi. Peranannya yang besar menempatkan media sosial sebagai keperluan manusia dalam kehidupannya. Bahkan, dalam perkembangan di Malaysia, media sosial sudah menjadi keperluan sekunder yang hampir tersebar luas diseluruh Asia. Melalui tiga pendekatan seperti hikmah dan rasional, pengajaran dan bertukar fikiran mampu dibawa oleh pendakwah-pendakwah yang ingin menyampaikan siaran keagamaan agar mencapai hasil yang lebih baik. Selain daripada elektronik yang begitu efektif dan begitu murah dalam kosnya, Ustaz Wadi Anuar sebagai seorang pendakwah mampu untuk berdakwah di Instagram, facebook atau menulis dalam websitenya yang mana informasi tersebut dapat diakses oleh beberapa juta kelompok masyarakat, bahkan jauh dari pelusuk dunia serta tidak memerlukan lagi kos yang besar melainkan cukup dengan informasi yang disampaikan melalui Instagram, Facebook dan sebagainya.

Rujukan

- Ab Ghani, A. (1996). *Institusi Dakwah Dan Persekitarannya dalam Membentuk Strategi Dakwah yang berkesan.*
- Abdul Wahab, N. (2020). *Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Masa Kini (Social Media As a Medium Dakwah Nowadays).*
- Ahmad Shahrom Zamri, N. R. (2015). *Dakwah Melalui Web TV : Kajian Terhadap pendekatan Inovatif di Jakim.*
- GP, M. (2021, 11 21). *Iluminasi*. Retrieved from <https://iluminasi.com/bm/biodata-penceramah-agama-ustaz-wadi-annuar.html>
- Hasan, R. (2018). *Kontribusi dan Strategi Metode Dakwah Di Era Globalisasi.*
- Husnia, Y. (2017). *Strategi Dakwah Dr Zakir Naik.*
- Lengauer, D. (2018). *Sharing Semangat Taqwa: Social Media and digital Islamic Socialities in Bandung, Indonesia and the Malay world.*
- M, B. A. (2021). *Strategi Dakwah di Era Normal.*
- Muhammad, A. (2020). *Study Religion Through the internet among millennial muslim : Causes and consequences.*
- Nasir, B. M. (2012). *Islam Dan Dakwah Dalam Zaman Kebangkitan Awal Islam Dan Era Penjajahan Barat di Tanah Melayu.*
- Puspitasari, I. N. (2018). *Strategi Dakwah Ustadz Abdul Somad Dalam Klarifikasi Penolakan Dakwah Melalui Media Sosial Youtube.*
- republica*. (2019, 3 1). Retrieved from *Mengenal Metode-metode Dakwah Islam,:* <https://www.republika.co.id/berita/pnozfy458/mengenal-metodemetode-dakwah-islam>
- Saputra R & Nazim, A. (2017). *Strategi Dakwah Islam Melalui Media Online Nadhatul Ulama (www.nn.or.id).*
- Saudi, I. (2010). *Penerimaan Remaja Terhadap Unsur-Unsur Dakwah Dalam Drama Tv1.*
- Silbia, M. (2019). *Strategi Content Creator pada Dakwah Di Media Sosial.*
- Slama, M. (2018). *Practising Islam Through Social Media in Indonesia, Indonesia and the Malay word.*
- Suyurno, S. (2011). *AkhLak Komunikasi Islam Dan Penghayatan Kehidupan Beragama: Kajian Kes di Universiti Teknologi Mara Pantai Barat Semenanjung Malaysia.*
- Suyurno, Z. A. (2012). *Asas Komunikasi Dakwah.*